

SURAT PEKELILING NO. 1/2015

Daripada: Setiausaha Kerajaan Sarawak Kepada: Semua Residen Bahagian
Semua Setiausaha Tetap
Semua Ketua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri

Salinan
Kepada: Pengarah, Pejabat Ketua Pegawai
Keselamatan, Negeri Sarawak

Perkara : **MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KESELAMATAN PERKARA TERPERINGKAT
KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

Ruj. Kami: JKM.UKN/02/SP-UKN/01 Tarikh: 12 Januari 2015

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memanjang arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berkaitan dengan usaha serta tindakan yang perlu dilaksanakan untuk memperkasakan pengurusan keselamatan Perkara Terperingkat dalam Kerajaan Negeri Sarawak.

LATARBELAKANG

2. Kelemahan pengurusan keselamatan Perkara Terperingkat dikenalpasti sebagai punca kebocoran maklumat yang boleh menjejaskan kerajaan. Oleh yang demikian MMKN telah bersetuju supaya pembudayaan pengurusan keselamatan perlindungan mempertingkatkan di semua agensi Kerajaan Negeri.

DASAR

3. Antara tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mencapai maksud ini adalah seperti berikut
- a. Mengadakan program-program kesedaran Keselamatan Perlindungan untuk mempertingkatkan pemahaman dan pematuhan di kalangan penjawat awam;
 - b. Perlantikan Pegawai Pengelas, Pegawai Keselamatan Jabatan dan Pendaftar Rahsia di setiap jabatan/agensi Kerajaan Negeri;
 - c. Mempertingkatkan pematuhan kepada Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 terutama dalam aspek penggunaan Buku Daftar (492, 492A, 492B);

- d. Memastikan penjawat awam membuat perakuan tahunan dalam menyimpan rahsia mengikut peraturan Arahan Keselamatan. Keingkaran dan kegagalan melaksanakan perkara ini akan dikenakan tindakan disiplin;
- e. Penjawat-penjawat awam yang mengendalikan perkara-perkara terperingkat dikehendaki menjalani proses Tapisan Keselamatan;
- f. Mengadakan Inspektorat Khas Keselamatan Perlindungan di jabatan/agensi kerajaan untuk menilai tahap pematuhan;
- g. Semua penjawat awam yang dilantik dalam Perkhidmatan Awam Negeri dikehendaki menandatangani Surat Aku Janji untuk mematuhi Perintah-Perintah Tetap, Pekeliling dan Surat Pekeliling serta Peraturan dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan.

PELAKSANAAN

4. Pelaksanaan Pekeliling ini hendaklah diuruskan seperti berikut:
 - a. **Program-program Kesedaran Keselamatan Perlindungan** Ketua Jabatan dikehendaki memastikan pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan pengurusan Perkara Terperingkat menghadiri program kesedaran yang dianjurkan. Unit Keselamatan Negeri, Jabatan Ketua Menteri akan mengkoordinasi program berkaitan seperti Taklimat Pegawai Pengelas, Bengkel Pendaftar Rahsia dan Pegawai Keselamatan Jabatan. Jadual dan jemputan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa;
 - b. **Perlantikan Pegawai Pengelas, Pegawai Keselamatan Jabatan dan Pendaftar Rahsia.** Ketua Jabatan dikehendaki memastikan perlantikan di setiap jabatan masing-masing. Kaedah pelantikan pegawai-pegawai berkaitan boleh diselaraskan dengan Unit Keselamatan Negeri, Jabatan Ketua Menteri;
 - c. **Penggunaan Buku Daftar 492, 492A dan 492B.** Buku-buku daftar ini adalah untuk merekod suratan/dokumen rahsia rasmi yang dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' dan 'Terhad'. Penggunaannya mesti diamalkan dengan betul bagi memastikan kesahan dari segi perundangan suratan/dokumen yang dikelaskan. Buku-buku daftar berkaitan boleh didapati daripada Pencetakan Nasional (Malaysia) Berhad;
 - d. **Perakuan Menyimpan Rahsia.** Perakuan ini perlu dibuat semasa dalam perkhidmatan dan meninggalkan perkhidmatan. Perakuan semasa dalam perkhidmatan perlu dibuat oleh semua penjawat awam setiap awal tahun. Acara ini boleh dianjurkan secara berkumpulan atau individu di hadapan Ketua Jabatan